GENG KLIK!

PERCUMA

EDISI KHAS MERDEKA
- SAYANGI MALAYSIAKU
: MALAYSIA BERSIH



ISSN 2682 - 8863

SIRI 1/2019

REKREASI MINDA CERDAS


SEMBANG
GENG
KLIK!
HISHY..
NAK KENA BUDAK NI..
ADIK!! KEMARI
KAMU!
KENAPA
MATEMATIK
KAMU NI ASYIK
DAPAT KOSONG
SAJA?
JAWAB!
ERR...
EH, AYAH! TU BUKAN KOSONG,
TADI CIKGU ADIK DAH BAGI
BANYAK BINTANG PADA
KAWAN-KAWAN, SAMPAI SAJA
KAT ADIK, BINTANG DAH HABIS,
SEBAB TU CIKGU BAGI ADIK BULAN..
NGEHEHE..

ISI KANDUNGAN

SAYANGI MALAYSIAKU 4





SEMUT 25

PENIAGA YANG JUJUR 30





MALAYSIA BERSIH 37

SIDANG REDAKSI

NOTA KETUA EDITOR

Selamat Menyambut Hari Kebangsaan 2019!

Syukur kita masih berpeluang menyambut Hari Kebangsaan pada tahun ini dalam kenikmatan hidup yang aman, sentosa dan harmoni.

Sempena sambutan Hari Kebangsaan yang disambut setiap tahun, marilah kita mengenang kembali susah payah pahlawan dan pejuang negara terdahulu bergadai nyawa mendapatkan kemerdekaan untuk negara tercinta ini. Setelah mengharungi segala dugaan dan meredah pelbagai rintangan akhirnya Malaysia berjaya menjadi sebuah negara berdaulat dan merdeka, bebas dari cengkaman serta belenggu penjajah asing.

Kini Malaysia sedang menelusuri kecemerlangan dengan mencipta kejayaan yang lebih besar dalam pelbagai bidang. Nah adik-adik, sebagai warga Malaysia yang hebat dan cemerlang, janganlah kita hanya melihat sahaja pemimpin-pemimpin kita bertungkus lumus meningkatkan negara. Marilah kita bersama-sama melibatkan diri dalam memajukan negara tercinta.

Bermula keluaran ini, Geng Klik telah diberi nafas baharu dengan pengisian yang lebih menarik dan memberi peluang kepada adik-adik untuk menyumbangkan idea kreatif ke dalam keluaran ini. Semoga pembaharuan ini akan menjadikan majalah Geng Klik sebagai sumber rujukan pembelajaran terbaik bagi adik-adik semua.

Wan Azizah Wan Omar

Hak Cipta Terpelihara
Jabatan Penerangan Malaysia, 2019

Hak cipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluar ulang mana-mana bahagian artikel, gambar dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan apa jua cara sama ada elektronik, fotokopi, mekanikal, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada penerbit.

Diterbitkan di Malaysia oleh:

JABATAN PENERANGAN MALAYSIA

Jabatan Penerangan Malaysia
Aras 13, Kompleks Kementerian Komunikasi dan Multimedia
No.49, Persiaran Perdana, Presint 4,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62100 Putrajaya.

PENASIHAT
Puan Roselindawati Binti Abdul Rahman
Ketua Pengarah
Jabatan Penerangan Malaysia

KETUA EDITOR
Wan Azizah Wan Omar

PENOLONG KETUA EDITOR
Rozilah Binti Katan

EDITOR PENYELARAS
Faiza Hani Abdul Monem @ Adnan

PELUKIS / REKA BENTUK
Boy, C'gu, Imran, Topek, Jakall, Sidi, Ayong

DICETAK OLEH
Precious Print Sdn. Bhd.

Watak-watak GENG KLIK!



Danish



Hana



Kanang



Lucy Lui



Man Lebai



Raj



Bidin



Bob



Rafiqi



Rox



Chemong




Cikgu Ali





Cikgu Ayu

Kisah Sayangi Malaysiaku





AGAK-AGAKNYA, MACAM MANA RAKAN KELAS AKU NANTI YA?
HARAP-HARAP MEREKA DAPAT MENERIMA AKU DENGAN BAIK!
SCEMPAKA
SUASANA KELAS NAMPAKNYA CERIA, BAGUS!
BAIK, MURID-MURID!
KITA ADA MURID BARU DALAM KELAS KITA. PELAJAR PERTUKARAN DARI AUSTRALIA, RAFIQI!
CIKGU AYU BERHARAP SEMUA DAPAT BANTU RAFIQI UNTUK HAL-HAL SEKOLAH DAN KELAS YA!
HI RAFIQI!
HELLO!
TIDAK SABAR HENDAK BELAJAR BUDAYA TEMPATAN BERSAMA MEREKA.


NAMA SAYA DANISH, KETUA KELAS 5 CEMPAKA. KALAU RAFIQI ADA APA-APA SOALAN, JANGANLAH MALU-MALU TANYA KAMI, YA?
TERIMA KASIH, DANISH!
BAIKLAH, SEMUA SUDAH BERKENALAN YA? CIKGU MAHU BINCANG AGENDA SETERUSNYA..
PETANG INI SELEPAS SEKOLAH KELAS KITA DITUGASKAN UNTUK PERSIAPAN HARI MERDEKA UNTUK OGOS INI..
APA CIKGU AYU?? SELEPAS SEKOLAH? KAMI ADA PERLAWANAN BOLA LEPAS SEKOLAH INI, CIKGU!
ADA PERLAWANAN BOLA YA..
SIAPA YANG TOLONG PERSIAPAN MERDEKA INI, CIKGU AYU DAN CIKGU ALI AKAN BELANJA MAKAN **CHICKEN CHOP** SEDAP DI KAFE!
MAKAN PERCUMA? **YAHOO!** BATALKAN PERLAWANAN BOLA!


DI SINI ADA BEBERAPA TUGASAN YANG KITA AKAN AGIH-AGIHKAN. SEBELUM KITA MULAKAN TUGASAN NI, CIKGU MAHU KAMU AMBIL BARANG KEPERLUAN DI KERETA CIKGU ALI DI TEMPAT LETAK KERETA YA.
TUGAS-TUGAS PERSIAPAN MERDEKA:
1. JAHIT BENDERA
2. GUNTING BULAN DAN BINTANG
3. KAIN RENTANG
4. MINI BENDERA
ERR.. TUGASAN SAYA APA YA CIKGU AYU?
JANGAN RISAU RAFIQI, KAMU IKUT SAJA SAYA NANTI, YA?
HEY RAJ, KITA TOLONG SIKIT-SIKIT SAJA. YANG PENTING KITA DAPAT *CHICKEN CHOP* TU NANTI! MAKAN PERCUMA KAN!
HEHE, SEDAP NYA!



KRINNNGGGG!
KAMU SEMUA! SEKOLAH SUDAH TAMAT!
MASA UNTUK MAKAN PERCUMA!!
SEMBUNYI LAH SEDIKIT RAJ! MASA UNTUK GOTONG-ROYONG!!
WAH.. RAJ DAN BOB SUNGGUH BERSEMANGAT SEKALI.



P
MANA SATU KERETA CIKGU ALI YA?
BUKK!!
BUNYI APA ITU??
?
HA, INI DIA BARANG-BARANG KEPERLUAN UNTUK PERSIAPAN MERDEKA TERSEBUT. BAWA SEMUA KOTAK-KOTAK INI KE DEWAN YA, MURID-MURID?
APA YANG BERAT SANGAT, ARGHH!
HUH?
SAYA JUGA PERLU BERSEMANGAT SEPERTI MEREKA SEMUA.





WAH..
CANTIKNYA!!
OHH!
SUDAH SIAP LAH!


TAHNIAH KAWAN-KAWAN! INI USAHA KITA BERSAMA!
CIKGU AYU DAN CIKGU ALI PASTI SERONOK!
TIDAK SABAR HENDAK MELIHAT SAMBUTAN MERDEKA BERSAMA MEREKA..
KERJA PUN SUDAH SIAP, JADI, APA LAGI... MARI KITA PERGI TUNTUT *CHICKEN CHOP* ITU!


MANA BUDAK-BUDAK NI? KATA MAHU JUMPA PUKUL 6 PETANG?
SEBENTAR NANTI SAMPAI LAH..
HAI CIKGU!!
EHH?
KENAPA KAMU BERTIGA SAJA YANG DATANG? MANA YANG LAIN?
TIDAK TAHU LAH CIKGU ALI, TADI SAYA SUDAH AJAK MEREKA TAPI MEREKA SUDAH PULANG KE RUMAH.
EH? YA KAH? KENAPA MEREKA PULANG DULU YA?
TIDAK TAHU LAH CIKGU, RUGI BETUL SIAPA YANG MENOLAK MAKAN PERCUMA.. WAH SEDAPNYA!
PELIK LAH CIKGU AYU...
HMM.. BETUL..


5 CEMPAKA
HEY DANISH!
KENAPA KAMU SEMUA TIDAK DATANG KE KAFE SEMALAM HAH? CIKGU MAHU BELANJA LAH!
?
SEBENARNYA KAMI BERTERIMA KASIH SEBAB CIKGU AYU DAN CIKGU ALI MAHU BELANJA, TETAPI...
KERJA YANG KAMI LAKUKAN ITU SEMUANYA IKHLAS. KAMI TIDAK HARAPKAN APA-APA GANJARAN YANG KAMI TERIMA SEMALAM SUDAH CUKUP BILA LIHAT PERSIAPAN MERDEKA SIAP SEPENUHNYA...
MULIANYA HATI KAWAN-KAWAN BARU KU INI.. MEREKA TIDAK PERLUKAN UPAH UNTUK TUGASAN SELEPAS SEKOLAH..
PERASAAN SERONOK SELEPAS MENYIAPKAN PERSIAPAN MERDEKA SEMALAM SANGAT BERHARGA. ITU SUDAH CUKUP BUAT KAMI SEMUA!
APA YANG PENTING IALAH SEMANGAT KEMERDEKAAN DAN PERPADUAN SESAMA KITA.
TOLONG-MENOLONG DAN BEKERJA DENGAN IKHLAS, BARULAH NAMANYA ORANG MALAYSIA!
WOOWOO.. SEGANNYA SAYA... SELEPAS INI SAYA TIDAK MENGHARAPKAN UPAH LAGI...
SAYA PUN... WUUWUU...


SUDAHLAH ITU BOB DAN RAJ. KITA BUANG YANG KERUH DAN AMBIL YANG JERNIH, MARI! KITA BERSIAP UNTUK PERSIAPAN MERDEKA!
YAHOO!
SAYANGI MALAYSIAKU, MALAYSIA BERSIH! SELAMAT HARI KEBANGSAAN, MALAYSIA!

Pahlawan Merdeka

LAMAN CERPEN



Nukilan
Norsidah binti Bani
Guru Penasihat
Kelab Malaysiaku
SMK Ledang,
Jalan Sialang,
84900 Tangkak,
Johor.

"It's in everything we do
It's in everything we do

Maybe maybe its's the thing we say
The words we've heard and music we play"

Terdengar jeritan yang berdentam dentum dari bilik Sauqi. Mak Limah dan Pak Mail yang mendengar dari dapur hanya mampu menggelengkan kepalanya. "Emmm, apa nak jadi dengan Sauqi ni. Kerja malas, asyik merayau keliling kampung", bebel Pak Mail.

"Entahlah bang, Limah naik risau. Nak-nak tengok kawan-kawan dia. Pakaian aje tak senonoh, koyak sana sini. Macam orang tak ada baju lain nak pakai." Tambah Mak Limah sambil menyiapkan hidangan minum petang.

Termenung panjang Pak Mail. Merenung apa yang akan berlaku pada Sauqi jika itulah hala hidupnya. Macam mana isterinya nak mengawal Sauqi jika dia sudah tiada kelak. Dia sedar, Sauqi memang akan berubah bila tiba masanya kelak, tapi sampai bila? Adakah perubahan yang diharapkan itu sudah terlambat? Berpinar fikiran Pak Mail mengenangkan anak tunggalnya itu. Memang hartanya banyak, cukup untuk Sauqi dan isterinya jika dia tiada kelak, namun harta... setinggi gunung pun, kalau dikikis hari-hari akan susut jua.

"Termenung jauh bang?" Tegur Mak Limah.

"Hari ni berapa hari bulan Mah?"Tanya Pak Mail

"Hiss abang ni, hari bulan pun dah lupa ke?" Ujar Mak Limah. "25 hari bulan, bang. Bulan apa, abang ingat tak? Gurau Mak Limah.

Pak Mail tersenyum pahit. "Aje melampau kalau bulan pun lupa Limah," jawab Pak Mail. " Abang rasa nak suruh Sauqi balik Kedah la, jenguk Long Duan. Mana tau Long Duan boleh tegur-tegurkan Sauqi." Cadang Pak Mail.

"Mau ke Sauqi tu, bang? Abang kan tau, dia tu kalau tak nak, kita paksa macam mana pun dia keras tak nak," ujar kebimbangan Mak Limah.

"Ala kita cuba, nanti abang telefon Long Duan ceritakan pasal Sauqi. Sauqi kalau dengan Long Duan, macam ngikut je." ujar Pak Mail dengan penuh harapan.

"Abang telefon dulu Long Duan. Nanti Mah panggil Sauqi, ajak minum sama. Kalau dah ada kata putus, boleh kita cakap sekali kat Sauqi pasal rancangan kita ni".



“Jap, abang telefon” ujar Pak Mail sambil capai telefon bimbitnya.

“Assalamualaikum Long.., apa khabar?”

“Waalaikumussalam Uda..aku sihat je. Cuma nilah musim buah, batuk-batuk tu biasalah penangan rambutan dan durian. Hang sihat ka?” Tanya Long Duan dengan loghat Kedah.

“Sihat Long. Sihat kita orang tua..he he. Long, Uda sebenarnya ada perkara nak minta Long tolong.”

“Macam serius je hang ni. Apa yang Long boleh tolong, In Shaa Allah, Long tolong, tapi kalau nak duit juta-juta, Long tak dak,” gurau Long Duan.

“Gini Long, Uda risau tengokkan si Sauqi, perangainya makin teruk. Kita tegur, haram dia nak dengar. Ketegaq! Jadi Uda ingat nak suruh Sauqi pi rumah Long. Dia kalau dengan Long, macam mati kutu,” ujar Pak Mail.

“Ooo..awat jadi lagu tu si Sauqi Uda ooi..hang manjakan sangat dia tu,” bebel Long Duan.
“Memang silap Uda, Long. Anak sorang, mungkin terlebih manja. Uda takut dia tersasar jauh. Long kan tau, Uda ni ada sakit jantung. Kalau Uda tak dak nanti, sapa yang boleh tengok- tengokkan Limah kalau Sauqi masih lagu tu,” keluh Pak Mail.
“Ni pun tengah pikiaq macam mana nak habaq kat Sauqi suh dia pi sana,” sambung Pak Mail.
“Dah..dah..hang toksah nak pikiaq banyak-banyak. Long tau si Sauqi ni ada kelemahannya. Hang kenai dak anak bongsu si Yusof, Nadirah. Sauqi tu dok syok kat budak tu. Hang suh dia mai sini, cepat ja nanti dia nak. Hang *try*-lah”

“La, lagu tu ka..mana Long tau Sauqi dok syok kat anak Yusof? Emmm banyak simpan rahsia no,” usik Pak Mail.

“Ni kan Long Duan, mana rahsia anak buah semua dalam tangan. Dah hang pi cakap kat Sauqi sana. Bila dia bertolak, hang habaq kat aku.”

Sementara itu, Mak Limah siapkan hidangan minum petang. Usai hidangan siap, Mak Limah ke bilik Sauqi.

“Sauqi! Sauqi! Hiss budak ni, buka lagu kemain kuat lagi. Orang panggil langsung tak dengar” bungkam Mak Limah sambil mengetuk bilik Sauqi. Sauqi!!!! Jerit Mak Limah.

“Iya mak...emm bising la.”
“Ooo lagu yang bingit tu, kau tak rasa bising,” marah Mak Limah. “Ni ayah ajak minum petang sekali, lambat kang, ah rasalah bebelan ayah tu,” sambung Mak Limah.

Di meja makan, tiga beranak khusyuk menikmati pisang goreng bersama kopi o panas.

“Sauqi, Pak Long Duan suh pi rumah dia. Sekarang musim buah, dia nak buat jamuan katanya. Esok ayah belikan tiket, lusa boleh bertolak ke sana.” Perintah Pak Mail.

“Ala malas la ayah...orang dah plan nak gig hujung minggu ni. *Spoil* la..”

Dapatkah ibu dan ayah Sauqi memujuknya untuk pergi berjumpa Long Duan? Kalau nak tahu apakah sambungan kisah ini, sila imbas QR code di bawah.

IMBAS KOD UNTUK SAMBUNGAN CERPEN



GENG SANA SINI

PROGRAM AMALAN DEMOKRASI BERPARLIMEN KELAB MALAYSIAKU JOHOR 2019







Hai kawan-kawan! Edisi kali ini Danish nak bawa kawan-kawan melihat aktiviti rakan-rakan kita di Johor. Dengar cerita mereka baharu sahaja mengadakan Program Amalan Demokrasi Berparlimen Kelab Malaysiaku Peringkat Negeri Johor Bersama Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) 2019. Wah, menarik kan? Mungkin ada di antara kita yang tertanya-tanya bagaimana amalan demokrasi berparlimen dijalankan di negara ini. Jadi, inilah peluang dan masanya kita didedahkan kepada satu sistem yang dinamakan Pilihan Raya.

Program ini telah mendapat penyertaan ahli-ahli Kelab Malaysiaku seramai 300 orang dari empat daerah dalam negeri Johor. Ahli-ahli kelab dari sekolah menengah dalam daerah Johor Bahru, Kota Tinggi, Kulai dan Pontian telah diberi pendedahan mengenai sejarah dan perjalanan Sistem Pilihan Raya di Malaysia menerusi aktiviti-aktiviti seperti ceramah, simulasi pilihan raya, berkempen sebagai seorang calon dan bertugas sebagai petugas SPR di pusat



POSTER

Sayangi Malaysiaku

MalaysiaBersih



Selamat Menyambut Hari Kebangsaan Dan Hari Malaysia 2019

JOM WARNA



pengundian selain setiap seorang daripada mereka berpeluang melalui proses pengundian pada hari mengundi.

Program Amalan Demokrasi Berparlimen Kelab Malaysiaku Peringkat Negeri Johor Bersama Suruhanjaya Pilihan Raya ini telah diadakan pada 24 April 2019 yang lalu iaitu pada hari Rabu bermula dari jam 8.00 pagi hingga 1.00 petang bertempat di Dewan Maktab Sultan Abu Bakar (EC), Johor Bahru.

Setakat ini dahulu perkongsian Danish untuk pembaca semua. Sekiranya ingin mengetahui lebih lanjut berkaitan program ini, kawan- kawan boleh melayari menerusi laman rasmi Kelab Malaysiaku Negeri Johor di **https://www.facebook.com/ kemkujohor/.**

#kelabmalaysiaku
#johor
#kemkujohor
#amalandemokrasiberparlimen
#simulasi
#pilihanraya
#malaysia









UNTUK LEBIH LANJUT

TAHUKAH ANDA?

PERISTIWA BUKIT KEPONG

Kisah sebenar yang berlaku pada subuh 23 Februari 1950.

Mengorbankan 25 nyawa terdiri daripada 19 orang anggota polis, 2 orang isteri dan 2 orang anak anggota awam dan 2 orang awam.

Kesan pengisytiharan darurat menyebabkan bekalan makanan anggota komunis terputus.

Pertubuhan komunis menjadi kucar-kacir apabila menerima tekanan berterusan daripada pasukan keselamatan.

Komunis bertindak mencari sasaran yang lemah dan terpencil seperti Balai Polis Bukit Kepong di Ulu Sungai Muar yang terletak lebih kurang 37 batu dari bandar Muar (hanya dapat dihubungi melalui jalan sungai).

Pihak komunis bercadang untuk menyerang Balai Polis Bukit Kepong berikutan kekalahan teruk mereka di tangan pasukan keselamatan di Labis pada awal 1950-an yang menyebabkan 23 orang komunis terbunuh dan 17 cedera.



Ais Krim Malaysia

JOM CUBA!

Hai kawan-kawan,
mari kita belajar cara membuat Aiskrim Malaysia,
senang saja!



1

Masukkan asam boi
ke dalam jug



2

Masukkan air
secukup rasa



3

Masukkan gula
dan kacau hingga sebati



4

Sediakan plastik
aiskrim



5

Masukkan air yang dibancuh
ke dalam plastik aiskrim



6

Ikat di hujung plastik aiskrim
dan masukkan ke dalam
peti ais

7

Siap! Aiskrim boleh dimakan bersama-sama!



BAHAN-BAHAN

- Asam boi
- Gula
- Air
- Plastik aiskrim

Imbas kod QR
untuk tutorial video

SEMBANG GENG KLIK



Semut

CERITA PENDEK




YA AMIR, KAMI KAGUM MELIHAT KERJASAMA DAN SIFAT MEMBANTU DI ANTARA SEMUT-SEMUT INI.


BETUL LIM, BANYAK ANTARA SIFAT-SIFAT UNIK MEREKA YANG BOLEH KITA CONTOHI, SELAIN MEMPUNYAI SIFAT BERSUNGGUH-SUNGGUH DALAM MENCAPAI APA YANG MEREKA INGINKAN, MEREKA JUGA MEMPUNYAI NEKAD YANG TINGGI.
NEKAD YANG TINGGI? MACAMANA TU?
SAMA SEPERTI MANUSIA, WALAUPUN FIZIKALNYA KECIL, TIDAK MENJADI PENGHALANG BUAT MEREKA UNTUK MENDAPATKAN MAKANAN WALAUPUN DILETAKKAN DI TEMPAT YANG TINGGI.


EH!? BETUL LAH AMIR, SAYA PERNAH LETAK SEPOTONG KEK DI ATAS PIRING DAN TEMPATKANNYA DI ATAS ALMARI, TAPI TETAP DIJUMPAI MEREKA, HMM..
DAYA UPAYA MEREKA UNTUK MENGESAN MAKANAN MEMANG MENAKJUBKAN. MEREKA JUGA SERANGGA BERSIFAT TERATUR DAN RAPI. LEBIH-LEBIH LAGI KETIKA MERAYAP DI DINDING DAN LANTAI. SANGAT UNIK!
DAN BERTANGGUNGJAWAB, SEMUT TIDAK PERNAH MENINGGALKAN KERJA YANG DILAKUKAN BEGITU SAHAJA. MEREKA PASTI AKAN MENYELESAIKAN PEKERJAAN YANG DIMULAKAN HINGGA SELESAI.
BANYAK IKTIBAR YANG BOLEH KITA CONTOHI DARIPADA SIFAT SERIUS DAN TANGGUNGJAWAB SERANGGA KECIL INI. MEREKA CENDERUNG DALAM KERJA BERPASUKAN DAN TIDAK MUDAH PUTUS ASA DENGAN HALANGAN. KECIL BUKAN HALANGAN UNTUK KITA MENCAPAI HALA TUJU DALAM HIDUP DAN BESAR PULA BUKAN BERERTI MEMILIKI KUASA ATAS SEGALANYA. KECIL ATAU BESAR TIDAK PENTING, YANG PENTING ADALAH SEMANGAT PERPADUAN DAN KERJASAMA.

SKETSA GENG KITA



SKETSA GENG KITA




SANTAI GENG KLIK



NILAI MURNI:

KESOPANAN DAN KESUSILAAN ADALAH TERAS KEPADA KEHARMONIAN BERMASYARAKAT.

SANTAI GENG KLIK



NILAI MURNI:

SIKAP BERMURAH HATI MAMPU MEWUJUDKAN PERPADUAN YANG KUKUH

GURAU GENG KLIK



TAPAU = BUNGKUS
MANOK = AYAM

NILAI MURNI:
JANGANLAH KITA CEPAT BERSANGKA BURUK TERHADAP ORANG LAIN TANPA MENGENALI DAHULU PEKERTINYA.

SANTAI GENG KLIK







SEMBANG GENG KLIK

TAK KIRA APA SITUASI PUN, KITA MASIH BOLEH 'NGETEH' BERSAMA-SAMA TANPA MENGIRA KAUM DAN AGAMA TERUTAMA DI RESTORAN MAMAK!



NILAI MURNI:
PERPADUAN BUKANLAH SESUATU YANG MUDAH UNTUK DICAPAI, OLEH ITU, PELIHARALAH IA SEBAIKNYA DEMI GENERASI AKAN DATANG.

NGETEH = MINUM TEH

JABATAN PENERANGAN MALAYSIA

No. Siri (Kegunaan Pejabat)

KAJIAN IMPAK
BAHAN PENERBITAN
JABATAN PENERANGAN MALAYSIA

Imbas kod QR untuk kajian

Pelaksanaan kajian impak ini adalah bertujuan untuk meninjau tahap kefahaman pembaca terhadap bahan-bahan penerbitan yang dihasilkan oleh Bahagian Penerbitan Dasar Negara, Jabatan Penerangan Malaysia.

BAHAGIAN A : PROFIL RESPONDEN

Sila tandakan (/) pada jawapan dalam ruang yang disediakan:

1. Umur

7 – 12 tahun		31 – 40 tahun	
13 – 17 tahun		41 – 50 tahun	
18 – 30 tahun		51 tahun ke atas	

2. Jantina

[ ] Lelaki [ ] Perempuan

3. Kaum

[ ] Melayu
[ ] Cina
[ ] India
[ ] Bumiputera Sabah
[ ] Bumiputera Sarawak
[ ] Peribumi
[ ] Lain-lain: Sila nyatakan:

4 Pendidikan

	SPM / Sijil Vokasional / Matrikulasi		Ijazah Sarjana (Master)
	STPM / Diploma		Doktor Falsafah (PhD)
	Ijazah Sarjana Muda		Tidak berkaitan

5 Pekerjaan

	Kakitangan awam		Pelajar
	Kakitangan swasta		Pesara
	Bekerja sendiri		Tidak bekerja

BAHAGIAN B : PENILAIAN KANDUNGAN
Sila tandakan (/) pada jawapan dalam ruang yang disediakan:

Bil.	Kenyataan	Ya	Tidak
1.	Reka bentuk bahan penerbitan ini menarik perhatian saya untuk membaca		
2.	Penggunaan bahasa yang mudah difahami		
3.	Bahan penerbitan ini membantu meningkatkan tahap kefahaman saya tentang maklumat kenegaraan dan dasar-dasar kerajaan		
4.	Penggunaan imbasan kod QR memudahkan pembacaan saya		

BAHAGIAN C : ULASAN/CADANGAN PENAMBAHBAIKAN
Sila nyatakan ulasan/ cadangan anda ke arah penambahbaikan :

_____

_____

_____

Borang kajian yang telah lengkap boleh dikembalikan ke alamat e-mel di bawah:

E-mel : **kajian@inform.gov.my**

TERIMA KASIH ATAS KERJASAMA YANG DIBERIKAN

Berminat untuk menyertai KELAB PEMBACA?
Jika ya, sila lengkapkan butiran di bawah:

i) Nama : .....
ii) Alamat e-mel : .....
iii) Nombor telefon : .....

Imbas kod QR untuk penyertaan

SANTAI GENG KLIK





IMBAS SAYA